

48  
**Boleh rugikan kerajaan  
dan murid2 — Mahathir**

---

**BANTUAN  
BUKU TEKS:  
ADA SALAH  
GUNA WANG**



Dr. Mahathir

**B**ATU PAHAT 8 Feb. — **Dr. Mahathir Mohamad** hari ini mendedahkan kegiatan pihak-pihak tertentu yang telah menyalahgunakan peruntukan yang melibatkan perbelanjaan berpuluh juta ringgit di bawah Rancangan Bantuan Buku-Buku Teks Kerajaan.

Menteri Pelajaran itu memberitahu bahawa pihaknya sekarang ini sedang mengkaji dengan teliti dan menjalankan penyiasatan rapi mengenai perkara ini untuk memastikan siapakah yang sebenarnya bertanggungjawab di atas penyelewengan tersebut.

"Saya sangat memandang berat atas perkara ini kerana ia bukan sahaja merugikan wang kerajaan, tetapi juga merugikan murid-murid yang sepatutnya mendapat bantuan buku-buku tersebut," tegasnya.

Dr. Mahathir mengingatkan bahawa peruntukan yang disediakan itu bukan kecil, tetapi melibatkan perbelanjaan berpuluh juta ringgit. "Wang ini adalah wang rakyat yang mesti digunakan dengan sebaik-baiknya," tegas beliau.

Berucap merasmikan Sekolah Kebangsaan Sri Merlong, Rengit dekat sini pagi ini, Dr. Mahathir memberitahu bahawa pihak-pihak tertentu sebaliknya telah

menyalahgunakan peruntukan tersebut untuk kepentingan mereka sendiri.

Menurutnya, kegiatan ini terbongkar bila beberapa buah buku teks yang diberikan percuma oleh Kementerian telah dijumpai dijual di beberapa buah kedai buku perpendirian dengan cop sekolah dan angka giliran buku itu sendiri.

## Percuma

Perkara ini, kata beliau, telah diketahui bila ibubapa yang tidak dapat bantuan telah membeli buku-buku itu dari kedai-kedai tersebut dan mendapati buku-buku itu adalah dari Sekim Pinjaman Buku-Buku Teks Kerajaan.

Dr. Mahathir mengucapkan terima kasih kepada ibubapa berkenaan itu yang telah membawakan perkara ini ke tengah hingga sampai ke pengetahuannya sendiri baru-baru ini.

Beliau juga mengingatkan murid-murid, ibubapa dan guru-guru jangan mengabaikan bantuan dan menjaga buku-buku itu dengan baik supaya dapat diturunkan kepada kanak-kanak lain.

Katanya: "Kita janganlah menganggap bahawa sesuatu pemberian percuma itu tidak berharga."

Mengenai penglibatan para guru dalam semua aktiviti masyarakat terutamanya masyarakat tempatan, Dr. Mahathir berkata Kementerian sentiasa menggulakkannya kerana ini penting untuk menyampaikan pelajaran dengan lebih berkesan.

Bagaimanapun beliau mengingatkan mereka supaya janganlah hendaknya kegiatan-kegiatan tersebut menjejaskan tugas-tugas mereka sebagai guru dan mereka haruslah bijak membahagikan masa.

Ketika merasmikan bangunan baru Sekolah Kebangsaan Kampung Baru Senggarang juga dekat sini kemudiannya, Dr. Mahathir berkata kadar penambahan murid-murid darjah satu pada tiap-tiap tahun ialah lebih kurang lima peratus.

Katanya, ini menimbulkan masalah kepada pihak Kementerian dan jabatan-jabatan pelajaran negeri untuk menempatkan murid-murid darjah satu tersebut.

Beliau menegur sikap setengah-setengah ibubapa yang menjadikan masalah ini lebih sukar dan rumit kerana terlalu memilih untuk memasukkan anak-anak mereka ke sekolah yang mereka tafsirkan sebagai 'sekolah yang baik.'

**LIHAT MUKA 12 [Ruangan 6]**

## DARI MUKA 1

"Jika sikap ini dibiarkan berterusan, kita akan menghadapi beberapa sekolah di dalam sesebuah daerah yang sudah besar bertambah besar sehingga timbul kerumitan dari segi pentadbiran, kakitangan, tempat dan kelengkapan sementara sekolah-sekolah kecil dan dianggap 'tidak baik' akhirnya terpaksa pula ditutup," jelasnya.

Beliau meminta pihak sekolah terutama ahli-ahli lembaga pengurusan, jawatankuasa ibubapa dan guru, guruhbesar serta guru-guru supaya berusaha secara kolektif untuk menentukan imej sesebuah sekolah itu selalu dipandang tinggi oleh masyarakat setempat.

Dr. Mahathir berharap dengan adanya bangunan baru sekolah tersebut, mutu pencapaian pelajarannya akan berkembang lebih pesat lagi dari tahun-tahun yang lalu.

Beliau puas hati dengan ramainya kanak-kanak keturunan Orang Asli yang menuntut di sekolah itu kerana ini merupakan satu kemajuan dan berharap kanak-kanak tersebut dapat maju dalam pelajaran mereka agar dapat mengubah corak dan meningkatkan taraf hidup mereka.